



## NOTIS MAKLUMAN

### **PENETAPAN TEMPOH PUSINGAN MASA KEPADA PEGUAM BERDAFTAR LPPSA (CONVEYANCING) BAGI MENYIAPKAN DOKUMENTASI PEMBIAYAAN PERUMAHAN LPPSA**

Bermula 1 Mei 2022, semua Peguam Berdaftar LPPSA yang bertanggungjawab menyediakan dokumen pembiayaan/ sekuriti perumahan LPPSA hendaklah memastikan Surat Nasihat Pengeluaran Pembiayaan/ Pinjaman Perumahan (*Advice To Release*) disiapkan dan diserahkan kepada LPPSA dalam tempoh masa pusingan **seratus dua puluh (120) hari** dari tarikh penerimaan perlantikan Surat Arahan (*Letter of Instruction*).

Kegagalan mematuhi perkara di atas tanpa sebab-sebab munasabah boleh menjejaskan penilaian prestasi firma dengan LPPSA. LPPSA juga berhak mengambil sebarang tindakan yang difikirkan wajar selaras dengan syarat dan terma surat Perlantikan Peguam Berdaftar LPPSA.

Penetapan tempoh masa pusingan ini adalah bagi memastikan pelanggan LPPSA menerima perkhidmatan dan pengalaman terbaik dan efisien daripada Peguam Berdaftar LPPSA. LPPSA juga berhak menyemak tempoh ditetapkan dari masa ke semasa berdasarkan amalan terbaik industri.

Sebarang pertanyaan lanjut, boleh menghubungi Pusat Panggilan LPPSA di talian 03-88801600 atau melalui Portal Pertanyaan/ Aduan Rasmi LPPSA di <https://etiket.lppsa.gov.my/>.

**18 APRIL 2022**